

08 MAR 2002

Ketari-Adnan (Analisis)

KETARI: CABARAN KEDUA BUAT ADNAN

Oleh: Mohd Shukri Ishak

KUANTAN, 8 Mac (Bernama) -- Selepas melepasi halangan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Sanggang April 2000, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob bakal menghadapi satu lagi cabaran pilihan raya kecil dalam tempoh dua tahun.

Adnan, 52, yang dilantik menjadi Menteri Besar pada 25 Mei 1999 bakal menghadapi cabaran kedua pilihan raya kecil di Pahang berikutan kematian wakil rakyat DUN Ketari Datuk Loke Koon Kam 3 Mac lepas.

Beberapa tokoh dan penganalisis politik berpendapat kepimpinan Adnan selaku Pengerusi Badan Perhubungan Barisan Nasional (BN) Pahang tetap mampu memastikan kerusi milik BN di DUN Ketari pada kali ini dipertahankan.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob pada Isnin lepas berkata beliau yakin Adnan berkebolehan untuk mengendalikan jentera pilihan raya kecil DUN Ketari.

"Saya rasa kita perlu berterima kasih dan beri penghargaan kepada MB yang telah mengambil inisiatif dengan menyusun strategi supaya kita boleh mengekalkan sokongan di beberapa pusat penting melalui cawangan-cawangannya," kata Khalil.

Melalui persediaan yang telah dibuat oleh Badan Pengerusi Umno negeri yang turut dipengerusikan oleh Adnan itu, Khalil yakin Umno tidak menghadapi kesukaran untuk menyelaraskan semua strategi di peringkat BN.

Beberapa ahli politik di Pahang juga yakin di bawah kepimpinan Adnan selaku pengerusi BN Pahang, parti itu akan dapat mempertahankan kerusi milik BN di DUN Ketari selepas kejayaan pilihan raya kecil Sanggang dua tahun lepas.

Anggota DUN kawasan Dong Datuk Shahiruddin Ab Moin ketika dihubungi Bernama berkata beliau yakin dengan kepimpinan Menteri Besar Pahang itu, BN akan dapat mengekalkan kerusi DUN Ketari.

"Sifat Datuk Seri Adnan yang mudah mendampingi penduduk dan begitu sensitif dengan masalah rakyat serta pelbagai perancangan dilakukannya pada masa ini bagi membantu meningkatkan taraf penduduk negeri Pahang, saya yakin BN Pahang dapat mengekalkan kerusi itu," katanya.

Sementara itu, Adnan ketika diminta mengulas mengenai cadangan Presiden Parti Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik supaya beliau menjadi Pengerusi Jentera Pilihan Raya BN berkata beliau (Adnan) akan menjalankan tugas itu jika dilantik.

"Saya hanya terima tanggungjawab dan jalankan tugas jika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan saya memegang jawatan itu," katanya pada Rabu lepas selepas mempengerusikan mesyuarat exco negeri di Bentong.

Adnan berkata soal siapa yang memegang jawatan itu tidak penting; "Yang penting ialah kerjasama yang diberikan oleh semua parti komponen Barisan Nasional untuk hadapi pilihan raya kecil itu," katanya.

Adnan sememangnya "terkenal" dengan sikapnya dan kenyataan-kenyataannya yang "tegas" dan kadangkala dianggap "keras" oleh sesetengah pihak.

Malah ketika ditanya pemberita mengenai persiapan jentera BN bagi menghadapi pilihan raya kecil DUN Ketari pada satu majlis di Kuantan pada Selasa lepas, Adnan secara sinis berkata "Kita bukannya seperti parti pembangkang yang terlalu aktif apabila adanya pilihan raya, apabila ada pilihan raya pembangkang mula aktif sebarkan fitnah,".

Adnan berkata jika ramai pihak terlalu menumpukan kepada pilihan raya kecil ianya seolah-olah "bersiap sedia" menantikan dan "mengharapkan"

kematian seseorang wakil rakyatnya.

"Selepas ini kita kenalah pastikan seseorang wakil rakyat itu betul-betul sihat," katanya.

Adnan berkata jentera kerajaan negeri yang dipimpin parti BN sememangnya bekerja keras bagi memastikan penduduk dan pengundi kawasan Ketari sentiasa terjaga kebajikannya sekalipun bukan musim pilihan raya.

Kerusi DUN Ketari bakal menyaksikan pertandingan sengit antara calon pembangkang yang berkemungkinan dari DAP menentang calon BN dari Gerakan.

Pada pilihan raya umum 1999, calon BN mendiang Loke berjaya menewaskan calon DAP Choong Siew Onn dengan majoriti hanya 231 undi.

Mengikut daftar pemilih Suruhanjaya Pilihanraya tahun 1999, terdapat seramai 16,434 pengundi berdaftar di kawasan itu.

Sebanyak "10 buah daerah" mengundi bagi kawasan DUN Ketari iaitu Genting Highlands, Bukit Tinggi, Janda Baik, Ketari, Ketari Tengah, Ketari Selatan, Sungai Dua, Perting, Felda Mempaga dan Benus.

-- BERNAMA

MS RHM